

**MAJLIS ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
1 APRIL 2021(JUMAAT)**

*BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAAMU'ALAIKUM
WARAHMATULLAAHI WABARAKAATUH
DAN SALAM PERPADUAN*

TERIMA KASIH SAUDARA / SAUDARI
PENGACARA MAJLIS,

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**YB SENATOR WAN AHMAD FAYHSAL BIN
WAN AHMAD KAMAL**
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN
NEGARA

YBRS. DR. KANG TONG HUM
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBRS. TUAN ZULKIFLI BIN HASHIM
TIMBALAN KETUA PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL (MENANGGUNG
TUGAS KETUA PENGARAH)

YBRS. TUAN RAVEENDRAN NAIR
KETUA PENGARAH
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT
INDIA (MITRA)

PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN
2021

WARGA KPN YANG DIKASIHI SEKALIAN

PENDAHULUAN

1. SETINGGI-TINGGI SYUKUR DIPANJATKAN KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAH RAHMAT DAN INAYAHNYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA HARI INI BAGI MERAIKAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) BAGI TAHUN 2021.
 2. TERLEBIH DAHULU IZINKAN SAYA SEBAGAI MEWAKILI SELURUH WARGA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN JABATAN DI BAWAHNYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN KEPADA YANG BERHORMAT

MENTERI PERPADUAN NEGARA
ATAS KESUDIAN MELUANGKAN
MASA UNTUK HADIR BERSAMA-SAMA
DENGAN KAMI PADA MAJLIS
ANUGERAH PERKHIDMATAN AWAM
KPN TAHUN 2021INI.

3. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA 383 WARGA KPN TERDIRI DARIPADA PELBAGAI SKIM DAN GRED JAWATAN BAKAL MENERIMA APC BAGI TAHUN PENILAIAN 2021.
4. MAJLIS APC MERUPAKAN ACARA TAHUNAN BAGI MEMBERI PENGIFTIRAFAN DAN PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA

PERKHIDMATAN AWAM YANG TELAH
MEMPAMERKAN PRESTASI KERJA
YANG CEMERLANG SEPANJANG
TAHUN SEBELUMNYA.

5. TAHUN 2021 TELAH BERLALU DENGAN PELBAGAI CABARAN, NAMUN WARGA KPN TETAP BERUPAYA MENUNJUKKAN DEDIKASI SERTA PRESTASI KERJA YANG CEMERLANG. KITA TELAH MEMASUKI BULAN KEEMPAT TAHUN 2022, SAYA BERHARAP SELURUH WARGA KERJA KPN, AKAN TERUS MENINGKATKAN PENCAPAIAN MASING-MASING DENGAN SEMANGAT KERJA YANG TINGGI BAGI KITA MENEMPUH CABARAN-

CABARAN, KHUSUSNYA DALAM KITA
MENGGALAS TUGAS DAN
TANGGUNGJAWAB YANG
DIAMANAHKAN SEBAGAI PENJAWAT
AWAM.

6. PERANAN KEMENTERIANINI
SEBAGAI AGENSI PENERAJU
AGENDA PERPADUAN NEGARA
MERUPAKAN SATU
TANGGUNGJAWAB BESAR UNTUK
MEMASTIKAN KEHARMONIAN DAN
PERHUBUNGAN ANTARA KAUM
SENTIASA KEKAL. TANGGUNGJAWAB
INI TIDAK BERUPAYA DILAKSANAKAN
TANPA SOKONGAN DAN KOMITMEN
TINGGI DARIPADA SEMUA WARGA
KPN DARI SELURUH NEGARA.

MEMENUHI EKSPEKTASI RAKYAT

7. KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA YANG TELAH DITUBUHKAN SEMULA PADA 10 MAC 2020, SEMEMANGNYA MEMPUNYAI EKSPEKTASI TINGGI DARIPADA RAKYAT TERHADAP PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH KEMENTERIAN DAN JABATAN DI BAWAHNYA.

8. RAKYAT SECARA UMUMNYA MENGHARAPKAN FORMULA BAHARU DALAM PENGURUSAN PERPADUAN NEGARA MENGIKUT PERUBAHAN MINDA GENERASI BARU DAN PERSEKITARAN SEMASA.

9. OLEH SEBAB ITU, YB MENTERI TELAH MENGILHAMKAN IDEA UNTUK MERANGKA DASAR DAN PELAN-PELAN TINDAKAN BAGI SETIAP TERAS PERKHIDMATAN DI KPN SUPAYA PROGRAM DAN INISIATIF YANG DIRANCANG BERMANFAAT SEPENUHNYA DI PERINGKAT AKAR UMBI SUPAYA AGENDA PERPADUAN DICAPAI.
10. SAYA PERCAYA KEFAHAMAN YANG TINGGI TERHADAP DASAR DAN PELAN-PELAN YANG DIHASILKAN TERSEBUT, WARGA KPN DAPAT MENUNJUKKAN KOMITMEN DAN KEYAKINAN PENUH SEMASA MELAKSANAKAN TUGASAN SUPAYA

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
BERADA DI TAHAP TINGGI PADA
SETIAP MASA.

11. JUSTERU, FOKUS **TAHUN 2022** INI
MERUPAKAN **TAHUN**
PELAKSANAAN. PROGRAM-
PROGRAM YANG DISUSUN MELALUI
PELAN-PELAN TINDAKAN YANG
TELAH DIHASILKAN PERLU
DITERJEMAHKAN DALAM BENTUK
PELAKSANAAN.

12. UNTUK ITU, SAYA MENYERU KEPADA
SEMUA SUPAYA BERSEDIA
MELAKUKAN **PERUBAHAN KEPADA**
MINDSET UNTUK MENERIMA
PENDEKATAN BAHARUINI. KITA
TIDAK BOLEH SENTIASA BERADA

DALAM ZON SELESA, SEBALIKNYA PERUBAHAN MESTI DILAKUKAN SUPAYA KITA SENTIASA RELEVAN. KEWUJUDAN KITA MEMBERI IMPAK KEPADA RAKYAT.

RETREAT KPN 2022

- 13. MESYUARAT PERANCANGAN KERJA 2022 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (*RETREAT KPN 2022*) TELAH DIADAKAN SELAMA 3 HARI PADA 21 HINGGA 23 JANUARI 2022 DI DESARU, JOHOR.**

- 14. RETREAT INI BERTUJUAN MENYUSUN GERAK KERJA PROGRAM-PROGRAM YANG DIGARISKAN MELALUI PELAN-**

PELAN TINDAKAN YANG TELAH
DIHASILKAN.

PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

15. BAGI MEMASTIKAN PENGURUSAN KEWANGAN KPN YANG EFISIEN, SEPANJANG TAHUN 2021 DAN SEHINGGA MAC 2022, UNIT AUDIT DALAM KPN TELAH MENJALANKAN:
 - 11 PENAMPILAN AUDIT
 - 14 PEMERIKSAAN MENGEJUT
 - 1 PENG AUDITAN PRESTASI

16. PENGURUSAN AUDIT KPN MERUPAKAN ***THIRD LINE DEFENSE*** BAGI MEMASTIKAN PENGURUSAN KEWANGAN DI KPN DAN AGENSI DIBAWAHNYA DILAKSANAKAN

SECARA BERHEMAH, CEKAP DAN BERKESAN. IA JUGA MENENTUKAN KAWALAN DALAMAN YANG BERKESAN UNTUK MENJAYAKAN OBJEKTIF KPN DICAPAI SEPENUHNYA.

17. SAYA MENYERU SETIAP WARGA KPN TIDAK KIRA BERADA DI MANA JUA SUPAYA MEGAMBIL PERHATIAN SERIUS TERHADAP TEGURAN, SYOR DAN NASIHAT YANG DIBERI MELALUI LAPORAN AUDIT KPN BERKAITAN PENGURUSAN KEWANGAN.
18. SAYA BERHARAP AGAR WARGA KPN TURUT BERPEGANG KEPADA NILAI INTEGRITI, KEBERSAMAAN, DINAMIK, INTERAKSI DAN KHIDMAT BAKTI

SEBAGAI ASAS DALAM
MELAKSANAKAN TUGAS SEHARIAN.

KESELAMATAN DOKUMEN/ MAKLUMAT

19. SETIAP WARGA KPN HARUS MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB TINGGI UNTUK MEMELIHARA KESELAMATAN DOKUMEN MILIK KEMENTERIAN SUPAYA IA TIDAK TERDEDAH KEPADA ORANG LUAR SEHINGGA MENJEJASKAN KEPENTINGAN KERAJAAN.
20. WARGA KPN DIINGATKAN SENTIASA BERHATI-HATI DALAM BERKONGSI MAKLUMAT ATAU DATA-DATA KEMENTERIAN/JABATAN. PERBUATAN MEMBOCOR MAKLUMAT

TERPERINGKAT DAN RAHSIA
KERAJAAN MERUPAKAN SATU
KESALAHAN SERIUS YANG BOLEH
DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB.

WARGA BERINTEGRITI DAN KERJA BERPASUKAN

21. BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN
SESEBUAH ORGANISASI ASPEK
KERJA BERPASUKAN ADALAH
SANGAT PENTING DAN PERLU
DITERAPKAN DALAM BUDAYA KERJA
SEMASA MELAKSANAKAN APA JUA
TUGASAN DALAM JABATAN. SUKA
SAYA MENGINGATKAN TUAN-TUAN
DAN PUAN-PUAN, BAHAWA
KECEMERLANGAN SESEORANG
PEGAWAI BUKAN HANYA USAHA

SERATUS-PERATUS SECARA INDIVIDU; TETAPI, IA ADALAH HASIL KERJA BERPASUKAN MELALUI KERJASAMA, USAHASAMA SERTA SOKONGAN DARI PELBAGAI PIHAK DALAM SESUATU JABATAN.

22. DALAM ERTI KATA LAIN, SIKAP TERBUKA DAN SALING MEMBANTU-MEMBATU DALAM KALANGAN SETIAP AHLI JABATAN SEBAGAI SATU KELUARGA KPN AKAN MENJURUS KE ARAH KECEMERLANGAN BUKAN PADA SATU INIDIVIDU SAHAJA TETAPI REFLEKSI TERHADAP SELURUH WARGA KEMENTERIAN.

PENUTUP

23. AKHIR KATA, SEKALI LAGI TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA KESEMUA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021. SEMOGA PENGANUGERAHANINI MENJADI MOTIVASI SEMUA WARGA KERJA KPN KE ARAH KECEMERLANGAN YANG LEBIH TINGGI.
24. SEKIAN, WABILLAHIAU AL-TAUFIQ WAL HIDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM WA RAHMATULLAHI WA BARAKATUH. TERIMA KASIH.